



Persepsi Pelajar terhadap Penggunaan Alat Bantu Mengajar Sifir Pita Ukur dalam Membantu Kemahiran Membaca Tali Pita Ukur

Students' Perceptions towards the use of Teaching Tools Tape Measurement in Helping the Skills of Reading Tape Measure Strings

Farahana Nadirah Mahamad Nadzar^{1,*}

¹ Kolej Komuniti Temerloh, Taman Bukit Mentakab, Bypass Batu 2 Jalan Temerloh, Jln Temerloh - Mentakab, Mentakab, 28400 Mentakab, Pahang, Malaysia

ABSTRACT

Mahir dalam membaca tali pita ukur merupakan perkara asas yang wajib dikuasai oleh pelajar dalam program Sijil Fesyen dan Pakaian Kolej Komuniti Temerloh. Justeru itu, kajian yang dibuat adalah untuk meninjau sejauh mana penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) sifir pita ukur membantu pelajar dan pendidik di dalam kursus Pola Asas Pakaian. Responden kajian adalah terdiri daripada pelajar semester 1 dan 2 dari beberapa sesi ambilan iaitu Sesi Jun 2020, Sesi I 2021/2022 dan Sesi II 2021/2022. Penyelidik telah memilih kaedah tinjauan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Data-data yang dikumpul melalui soal selidik telah diedarkan dan dikutip dari responden. Data-data ini diproses dan dianalisis menggunakan SPSS (Statistical Package For Social Science) versi 27 dan dinyatakan dalam bentuk peratusan dan kekerapan. Kajian ini mendapati alat bantu mengajar memainkan peranan penting terhadap proses pembelajaran dan pengajaran kepada pelajar di dalam Pola Asas Pakaian dimana sifir pita ukur yang dikaji adalah terdiri daripada bacaan nilai nilai hun pada tali pita ukur yang diolah tali pita ukur kepada papan pita ukur bersaiz A3. Secara keseluruhannya penggunaan sifir pita ukur dapat memberikan gambaran dan proses jalan kerja yang mudah dalam membantu pelajar memahami proses pengajaran dan dapat memabantu pelajar agar proses pengajaran dan pembelajaran mencapai matlamatnya.

Proficiency in reading a tape measure is a basic thing that must be mastered by students in the Temerloh Community College Fashion and Clothing Certificate program. Therefore, the research is done to review the extent to which the use of the Teaching Aid measuring tape code helps students and educators in the Basic Patterns of Clothing course. The study respondents consisted of semester 1 and 2 students from several intake sessions, namely Session June 2020, Session I 2021/2022 and Session II 2021/2022. The researcher has chosen a survey method using a questionnaire as a research instrument. The data collected through the questionnaire was distributed and collected from the respondents. These data were processed and analyzed using SPSS (Statistical Package For Social Science) version 27 and expressed in the form of percentage and frequency. This study found that teaching aids play an important role in the learning and teaching process for students in the Basic Pattern of Clothing where the measuring tape code that is studied consists of reading the value of the hun value on the tape measure string which is processed by the tape measure string to the A3 size tape measure board. Overall, the use of tape measure ciphers can provide an easy picture and work process in helping students understand the teaching process and can help students so that the teaching and learning process achieves its goals.

Keywords:

Sijil Fesyen & Pakaian, Alat Bantu Mengajar, Pola Asas Pakaian, Tali Pita Ukur, Sifir

* Corresponding author.

E-mail address: farahana@kkmen.edu.my

*Fashion & Clothing Certificate, Teaching Aids,
Basic Clothing Patterns, Tape Measure*

1. Pengenalan

Kolej Komuniti merupakan satu sistem pendidikan tinggi di Malaysia di bawah pengurusan Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Pada 5 Julai 2000, Jemaah Menteri telah mempertimbangkan Memorandum No. 398/2225/00 yang telah dikemukakan oleh Menteri Pendidikan tentang konsep penubuhan dan pelaksanaan Kolej Komuniti di setiap kawasan parlimen. Kolej komuniti akan menjadi institusi yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran pada semua peringkat dan memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi. Penubuhan Kolej Komuniti mampu memberikan perkhidmatan kepada masyarakat sekitar melalui tawaran kursus sepenuh masa yang diiktiraf oleh kerajaan dan kursus pendek. Lulusan Kolej Komuniti yang berkelayakan dapat meneruskan pengajian peringkat diploma di Kolej Komuniti, Politeknik atau di Institut Pengajian Tinggi yang lain. Jika dilihat dari syarat kemasukan pula adalah sangat mudah dimana, untuk menjadi seorang pelajar kolej komuniti mereka perlulah berstatus warganegara Malaysia dan lulus Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) atau Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV). Calon-calon dari kalangan anak-anak penduduk setempat adalah sangat digalakkan. Melihatkan kepada syarat kelayakan yang minima, dapat dirumuskan bahawa penubuhan Kolej Komuniti yang menawarkan kaedah Sijil kepada pelajar sebenarnya adalah untuk membantu para pelajar yang mungkin sedikit ketinggalan dalam bidang pembelajarannya disekolah. Seperti yang kita sedia maklum, tahap pemahaman dan kecerdasan para pelajar adalah berbeza. Dengan adanya kolej komuniti dapat membantu sebahagian pelajar yang mungkin kurang berkemampuan dari segi pembelajaran teori dan kewangan untuk menyambung pelajaran dalam peringkat sijil dan kemahiran. Dengan adanya pembelajaran yang meningkatkan kemahiran pelajar sedikit sebanyak dapat membantu pelajar untuk menjana pendapatan pelajar dengan kemahiran sijil yang ada.

Melihatkan latar belakang kemasukan pelajar, secara tidak langsung pelajar akan mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza-beza. Menjadi seorang tenaga pengajar atau guru memerlukan seseorang individu tersebut perlu menjadi kreatif dalam menyampaikan sesi pengajaran dan pembelajaran (PDP) kepada para pelajar supaya objektif pembelajaran yang ingin disampaikan tercapai. Bagi mencapai matlamat ini, guru atau pendidik perlu mencabar diri sendiri untuk memastikan pemikiran kreatif dan inovatif, pemikiran kritis dan penaakulan serta keupayaan belajar berjaya diasah oleh guru atau pendidik kepada pelajar sebagai persediaan mereka untuk menghadapi arus globalisasi [1]. Seseorang pendidik itu perlu peka dengan aras pembelajaran pelajar masing-masing. Menurut Yudi Rohmad dan Hirnanda Dimas Pradana [2] seorang guru atau pendidik haruslah mengajar pelajar sesuai dengan gaya pelajar dan bukannya dengan gaya pembelajaran guru atau pendidik tersebut. Maka guru atau pendidik perlu menyesuaikan diri dengan pelajar dalam memastikan keberhasilan dan penyampaian proses PDP mencapai objektif. Kenyataan ini juga disokong oleh Kamarul Azmi Jasmi dan Zaharuzzaman Sulaiman [3] bahawa guru seharusnya faham tentang gaya pembelajaran pelajar supaya guru dapat menyesuaikan kaedah pengajaran dengan gaya pembelajaran pelajar. Untuk memahami dengan lebih mendalam, gaya pembelajaran terdiri daripada empat lapis iaitu model sahsiah, model pemprosesan maklumat, model interaksi sosial dan model medium pembelajaran yang disukai. Menurut Azizi dan Syazwani [4] dalam model medium pembelajaran yang disukai, Model VAK merupakan antara model yang paling popular digunakan. Model VAK mengandungi tiga gaya iaitu gaya pembelajaran visual, auditori dan kinestetik.

Bagi pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran kinestetik, iaitu pembelajaran yang memerlukan pelajar memahami sesuatu melalui gerakan dalam mengingati sesuatu info contohnya, para pendidik perlu menyediakan beberapa Alat Bantu Mengajar (ABM) yang betul dan berkesan bagi membantu golongan pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran seperti ini. Penggunaan ABM yang betul dapat membantu pendidik menyalurkan maklumat dan info yang betul kepada pelajar serta boleh juga membantu pelajar yang lemah dari segi pembelajaran melalui visual atau pembelajaran auditori. Peredaran waktu yang berlaku pada masa kini serta pelbagai cabaran dan perubahan suasana pengajaran, sedikit sebanyak memberikan sedikit tekanan kepada para pendidik dan pelajar dalam memastikan setiap objektif pembelajaran tercapai. Dalam meningkatkan prestasi bagi menghasilkan pendidikan yang berkualiti serta pengajaran yang efektif dalam membantu kefahaman pelajar, penggunaan alat bantu mengajar sama ada penggunaan bahan mautod, media mahupun penggunaan teknologi terkini, sangatlah penting dalam bidang pendidikan

Melihatkan kepada hubungan kait ini, seseorang pendidik haruslah bijak dalam membantu pelajar menghasilkan gaya dan suasana serta gaya penyampaian yang berkesan dalam PDP supaya dapat membantu pemahaman pelajar. Pembelajaran harus disesuaikan dengan keperluan setiap pelajar untuk membantu mereka mencapai potensi penuh mereka [5]. Apabila pendidik menggunakan pelbagai bahan dan media untuk dijadikan ABM secara tidak langsung dapat menarik minat pelajar untuk kekal fokus. Penggunaan ABM sebenarnya sangat membantu pelajar untuk lebih fokus dalam kelas. Menurut Mohd Hanafi *et al.*, [6], penggunaan bahan atau alat bantu mengajar membantu meningkat kemahiran membaca pelajar. Keadaan ini jelas menunjukkan, penggunaan ABM mampu membantu meningkatkan kefahaman pelajar.

Semasa semester satu, pelajar Sijil Fesyen dan Pakaian akan mempelajari subjek asas pakaian bagi menguasai beberapa kemahiran iaitu asas menjahit dan asas membaca tali pita ukur. Bagi pelajar yang lemah matematik, akan mengambil masa yang lama dalam memahami cara cara membaca tali pita ukur. Walaupun hanyalah membaca tali pita ukur namun ianya tetap memberi kesukaran kepada pelajar yang lemah gaya pembelajarannya. Pensyarah perlu memikirkan inisiatif dalam membantu pelajar untuk memahami dengan mudah bagaimana nilai nilai setiap hun pita ukur dibaca. Justeru itu satu kajian tinjauan dibuat untuk melihat kemudahan penggunaan Alat Bantu Mengajar Sifir Pita Ukur dalam membantu kemahiran pelajar membaca tali pita ukur.

1.1 Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan bagi menjawab beberapa soalan berkaitan dengan tahap kemudahan/kepentingan penggunaan alat bantu mengajar sifir pita ukur dalam membantu pelajar dalam membantu kemahiran pelajar membaca tali pita ukur. Antara persoalan yang ingin dijawab ialah :

- i. Apakah persepsi pelajar terhadap kepentingan penggunaan ABM dalam membantu pemahaman pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas?
- ii. Apakah persepsi pelajar terhadap kepentingan menguasai kemahiran membaca tali pita ukur bagi pelajar sijil fesyen dan pakaian?

1.2 Objektif Kajian

Berpandukan kepada persoalan kajian di atas, objektif kajian adalah untuk :

- i. Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap kepentingan penggunaan ABM dalam membantu pemahaman pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

- ii. Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap kepentingan menguasai kemahiran membaca tali pita ukur bagi pelajar sijil fesyen dan pakaian.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk deskriptif, iaitu kajian yang dilakukan bagi menerangkan sesuatu fenomena atau keadaan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan peristiwa yang sedang berlaku.

Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti persepsi pelajar terhadap kemudahan penggunaan alat bantu mengajar sifir pita ukur dalam membantu kemahiran pelajar membaca tali pita ukur. Reka bentuk kajian yang sesuai sangat penting bagi memastikan maklumat yang diperlukan dapat dikumpulkan berdasarkan objektif kajian. Oleh yang demikian, bagi proses pengumpulan data, kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Kaedah kuantitatif merupakan salah satu kaedah pengumpulan data yang menunjukkan sesuatu pertanyaan masalah yang telah dikenal pasti.

Kajian tinjauan atau survey merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan berbentuk eksperimen yang paling popular digunakan dalam pelbagai bidang. Kaedah ini dijalankan ke atas sampel dalam sesuatu populasi. Sampel-sampel yang telah dipilih mestilah mempunyai ciri-ciri atau sifat populasi yang ingin dikaji supaya maklumat yang diperoleh melalui kajian berkenaan boleh memberikan kenyataan atau gambaran umum tentang keseluruhan populasi yang dikaji. Oleh yang demikian, salah satu tujuan menjalankan survey adalah untuk membuat kenyataan umum tentang sesuatu populasi.

Kaedah kajian merupakan satu kaedah yang bersifat menyeluruh mengenai sesuatu isu atau masalah yang ingin dikaji. Selain itu, kutipan data juga dapat dilakukan dengan cepat dan maklumat dipungut secara terus dari responden dalam masa yang singkat. Tinjauan juga dapat membuat kenyataan secara umum bagi mewakili sesuatu populasi kajian .

Soal selidik merupakan alat ukur yang paling popular dalam kajian tinjauan. Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan soal selidik bagi mendapatkan maklumat dan data daripada responden. Soal selidik yang baik ialah soal selidik yang sesuai dengan kesediaan responden, mempunyai format instrumen yang sistematik, arahan yang jelas dan membuat ujian rintis sebelum instrumen digunakan. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.

3. Hasil Dapatan Kajian

Kaedah tertentu telah digunakan dalam proses penganalisan data yang telah berjaya dikumpulkan. Semua data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan kaedah taburan kekerapandan peratusan. Data daripada setiap item yang diisi oleh responden akan dianalisis menggunakan perisian komputer, iaitu *Statistical Package For Social Sciences (SPSS)*. Pengkaji menggunakan teknik statistik peratusan bagi memproses bahagian A,B dan C. Metodologi yang dinyatakan oleh pengkaji dalam tajuk ini adalah untuk menjawab persoalan kajian yang telah ditentukan dalam tajuk terdahulu. Segala maklumat yang diperoleh akan diproses dan dianalisis berdasarkan objektif kajian. Kaedah soal selidik yang digunakan adalah mudah dimana responden hanya perlu menjawab soal selidik berdasarkan skala yang telah ditetapkan. Berdasarkan keputusan yang diperoleh, penerangan yang lebih terperinci dapat dilakukan dalam dapatan kajian.

Dapatan deskriptif merupakan dapatan yang akan menerangkan mengenai taburan sampel mengikut jantina, status,semester, sesi pengajian, keputusan matematik semasa SPM, pengetahuan

asas, tahap pengetahuan sedia ada, pengetahuan dan pengalaman semasa proses pengajaran dan pembelajaran serta persepsi pelajar berkenaan dengan penggunaan Alat Bantu Mengajar Sifir Pita Ukur. Soal selidik persepsi pelajar terhadap penggunaan alat bantu mengajar sifir pita ukur dalam membantu kemahiran membaca tali pita ukur terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A: demografi, Bahagian B : pengetahuan asas (B I) dan pendapat pelajar (B II) terhadap proses pengajaran dan pembelajaran dan Bahagian C: persepsi pelajar berkenaan penggunaan alat bantu mengajar. Bahagian A menerangkan mengenai maklumat demografi tentang sampel yang telah diambil. Terdapat enam item yang terdapat pada bahagian A iaitu jantina, status, semester, sesi pengajian, keputusan matapelajaran matematik didalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan asas pengetahuan sedia ada mengenai ilmu jahitan. Jadual 1 menunjukkan dapatan analisis deskriptif menggunakan nilai frekuensi (f) dan peratusan (%).

Jadual 1
Analisis Deskriptif Demografi Responden

Maklumat Demografi		Frekuensi (f)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	2	4.3
	Perempuan	44	95.7
Status	Bujang	44	95.7
	Berkahwin	1	2.2
	Duda/Janda	1	2.2
Semester	Satu	20	43.5
	Dua	26	56.5
Sesi Pengajian	Jun 2020	16	34.8
	II 2021/2022	30	65.2
Matematik SPM	A	0	0
	B	5	10.9
	C	12	26.1
	D	9	19.6
	E	11	23.9
	F	6	13.0
	G	2	4.3
	T	1	2.2
Asas Pengetahuan	Ya	6	13.0
	Tidak	40	87.0

Jadual 1 mempamerkan bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 46 orang yang terdiri daripada lelaki (dua orang, 4.3%) dan perempuan (44 orang, 95.7%). Pelajar yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 20 pelajar semester 1 (43.5%) dan 26 orang pelajar semester 2 (56.5%). Seramai 12 orang pelajar (26.1%) mendapat keputusan SPM C dalam matapelajaran matematik, 11 orang pelajar (23.9%) memperoleh keputusan E, 9 orang pelajar (19.6%) mendapat keputusan D, enam orang pelajar (13.0%), lima orang pelajar (10.9%) mendapat keputusan B, dua orang pelajar (4.3%) memperoleh keputusan G, seorang pelajar (2.2%) tidak hadir peperiksaan dan tiada seorang pelajar mendapat keputusan A dalam matapelajaran matematik. Dari segi pengetahuan asas berkenaan dengan ilmu jahitan dan pakaian seramai 40 orang pelajar (87.0%) tidak mempunyai pengetahuan asas dan hanya enam orang pelajar (13.0%) sahaja yang mempunyai pengetahuan asas dalam bidang jahitan. Oleh itu, keadaan ini menjelaskan responden kajian ini tidak memiliki asas pengetahuan dalam bidang jahitan yang tinggi iaitu melebihi 85%.

Pada Bahagian B merupakan pemboleh ubah untuk mengetahui tahap pengetahuan sedia ada responden sebelum dan semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PDP) di dalam kelas. Terdapat 15 item yang terdapat dalam bahagian ini. Jadual 2 menunjukkan analisis deskriptif tahap kecekapan

teknikal sampel dalam kajian ini menggunakan nilai frekuensi (f), peratus (%), min, sisihan piawai, median dan mod.

Dapatan daripada Jadual 2 bahagian B I menunjukkan item mengetahui asas matematik penting dalam pembelajaran asas jahitan dan pakaian ($M=3.09$, $SP=0.89$, $Mod=3$, $Median=3$) menunjukkan nilai yang tertinggi diikuti dengan mengetahui perkara asas berkaitan jahitan dan pakaian ($M=2.57$, $SP= 1.03$, $Mod=2$, $Median=2$). Seterusnya item ketiga ialah mengetahui cara cara menyelesaikan sendiri masalah berkaitan pakaian (koyak atau butang tercabut) ($M=2.28$, $SP= 1.26$, $Mod=2$, $Median=2$). Mengetahui cara cara menggunakan tali pita ukur dengan betul ($M=1.72$, $SP=1.34$, $Mod=1$, $Median=1$) merupakan item keempat. Item seterusnya mengetahui cara membaca tali pita ukur dengan betul ($M=1.52$, $SP= 1.36$, $Mod=1$, $Median=1$).

Jadual 2

Tahap pengetahuan sedia ada responden sebelum dan pandangan responden semasa pengajaran dan pembelajaran (PDP) didalam kelas

Item	Frekuensi (f), Peratus (%)					Min	SP	Mod	Median
	1	2	3	4	5				
B I : Pengetahuan Sedia Ada Sebelum Menjadi Pelajar Sijil Fesyen Dan Pakaian									
1. Mengetahui perkara asas berkaitan jahitan dan pakaian	0	32 69.6	8 17.4	0	6 13.0	2.57	1.03	2	2
2. Mengetahui cara cara menyelesaikan sendiri masalah berkaitan pakaian (koyak atau butang tercabut)	13 28.3	19 41.3	8 17.4	0	6 13.0	2.28	1.26	2	2
3. Mengetahui cara cara menggunakan tali pita ukur dengan betul	31 67.4	9 19.6	0	0	6 13.0	1.72	1.34	1	1
4. Mengetahui cara membaca tali pita ukur dengan betul	40 87.0	0	0	0	6 13.0	1.52	1.36	1	1
5. Mengetahui nilai bacaan yang terdapat pada tali pita ukur	40 87.0	0	0	3 6.5	3 6.5	1.46	1.21	1	1
6. Mengetahui cara membuat pola asas	40 87.0	0	1 2.2	2 4.3	3 6.5	1.43	1.17	1	1
7. Mengetahui cara mengambil ukuran badan dengan betul	40 87.0	0	0	3 6.5	3 6.5	1.46	1.21	1	1
8. Mengetahui asas matematik penting dalam pembelajaran asas jahitan dan pakaian	2 4.3	4 8.7	34 73.9	0	6 13.0	3.09	0.89	3	3

B II : Pengetahuan Dan Pengalaman Semasa Proses Pengajaran Dan Pembelajaran (Pdp) Subjek Asas Bagi Sijil Fesyen & Pakaian									
9. Pembelajaran berkaitan dengan latihan amali perlu dipraktikkan	0	0	0	0	46 100	5	0	5	5
10. Pembelajaran berkaitan amali memerlukan ruangan pdp yang bersesuaian	0	0	0	0	46 100	5	0	5	5
11. Pembelajaran berkaitan amali memerlukan Alat Bantu Mengajar (ABM)	0	0	0	0	46 100	5	0	5	5
12. Penggunaan alat bantu mengajar yang betul membantu pemahaman murid	0	0	0	0	46 100	5	0	5	5
13. Pembelajaran teori membantu pemahaman pelajar dalam proses PDP	0	0	1 2.2	14 30.4	31 67.4	4.65	0.53	5	5
14. Pembelajaran amali membantu pemahaman pelajar dalam proses PDP	0	0	0	0	46 100	5	0	5	5
15. Proses pembelajaran yang menggunakan simulasi dari alat sebenar boleh membantu pemahaman pelajar	0	0	0	0	46 100	5	0	5	5

(** Nota I : 1:sangat tidak tahu 2:tidak tahu 3:tidak pasti 4:tahu 5:sangat tahu)

Dua item berkongsi tempat ke enam iaitu mengetahui nilai bacaan yang terdapat pada tali pita ukur dan mengetahui cara mengambil ukuran badan dengan betul dengan bacaan ($M=1.46$, $SP=1.21$, $Mod=1$, $Median=1$) dan yang terakhir ialah mengetahui cara membuat pola asas ($M=1.43$, $SP=1.17$, $Mod=1$, $Median=1$). Walau bagaimanapun, nilai median dan mod bagi kesemua item pemboleh ubah bagi bahagian B I (Pengetahuan Sedia Ada Sebelum Menjadi Pelajar Sijil Fesyen Dan Pakaian) berada pada tahap 1 iaitu pada tahap sangat tidak tahu bagi item nombor tiga, empat, lima, enam dan tujuh. Daripada lapan item soalan, lima daripadanya berada pada tahap sangat tidak tahu. Oleh itu keadaan ini jelas menunjukkan, responden tidak mempunyai sedikit pun asas pengetahuan sedia dalam bidang asas jahitan dan fesyen sebelum menjadi pelajar Sijil Fesyen dan Pakaian.

Bagi dapatan Jadual 2 Bahagian B II pula menunjukkan enam daripada tujuh item berkongsi nilai yang tertinggi. Item-item tersebut ialah pembelajaran berkaitan dengan latihan amali perlu

dipraktikkan, pembelajaran berkaitan amali memerlukan ruangan pdp yang bersesuaian, pembelajaran berkaitan amali memerlukan Alat Bantu Mengajar (ABM) , penggunaan alat bantu mengajar yang betul membantu pemahaman murid, pembelajaran amali membantu pemahaman pelajar dalam proses PDP, dan proses pembelajaran yang menggunakan simulasi dari alat sebenar boleh membantu pemahaman pelajar menunjukkan nilai yang tertinggi ($M=5, SP=0, Mod=5, Median=5$) Bagi item pembelajaran teori membantu pemahaman pelajar dalam proses PDP ($M=4.65, SP= 0.53, Mod=5, Median=5$). walau bagaimanapun, nilai median dan mod bagi kesemua item dalam pemboleh ubah pengetahuan dan pengalaman semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PDP) subjek asas bagi Sijil Fesyen & Pakaian berada pada tahap 5 iaitu responden mempunyai pandangan dan pengetahuan yang tinggi. Oleh itu, pengetahuan dan pengalaman semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PDP) subjek asas bagi Sijil Fesyen & Pakaian responden berada pada tahap yang tinggi iaitu sangat tahu akan pengetahuan dan keselesaan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Jadual 3

Persepsi Dan Pengalaman Responden Menggunakan Alat Bantu Mengajar (ABM) Sifir Pita Ukur Dalam Memahami Cara Cara Membaca Nilai Hun Tali Pita Ukur Di Dalam Kelas

Item	Frekuensi (f), Peratus (%)					Min	SP	Mod	Median
	1	2	3	4	5				
1. Penggunaan ABM Sifir Pita Ukur adalah hasil dari simulasi penggunaan tali pita ukur.	0	0	0	0	46 100	5	0	5	5
2. Penggunaan ABM Sifir Pita ukur jelas dalam menerangkan nilai bacaan setiap hun	0	0	0	0	46 100	5	0	5	5
3. Penggunaan ABM sifir pita ukur membantu pemahaman dalam membaca pita ukur	0	0	0	8 17.4	38 82.6	4.83	0.38	5	5
4. Penggunaan ABM sifir pita ukur boleh dipelajari tanpa bantuan Pensyarah	0	0	0	7 15.2	39 84.8	4.85	0.36	5	5
5. Penggunaan ABM mempunyai arahan yang jelas untuk <i>beginner</i>	0	0	0	16 34.8	30 65.2	4.65	0.48	5	5
6. Penggunaan ABM Sifir Pita Ukur dapat membantu pelajar yang lemah dalam matematik	0	0	0	0	46 100	5	0	5	5
7. Penggunaan ABM sifir pita ukur sesuai dijadikan alat membantu pelajar dan pensyarah dalam memahami proses kerja membaca nilai pada pita ukur.	0	0	0	0	46 100	5	0	5	5

8. Penggunaan ABM dapat membantu pensyarah dalam proses pdp	0	0	0	0	46 100	5	0	5	5
9. Penggunaan ABM Sifir Pita Ukur mudah dibawa kemana sahaja	0	0	0	19 41.3	27 58.7	4.59	0.50	5	5
10. Penggunaan ABM sifir pita ukur boleh dijadikan rujukan kepada pelajar	0	0	0	0	46 100	4.59	0	5	5

(** Nota I : 1:sangat tidak setuju 2:tidak setuju 3:kurang pasti 4:setuju 5:sangat setuju)

Pada Bahagian C merupakan pemboleh ubah untuk mengetahui persepsi dan pengalaman responden menggunakan alat bantu mengajar (ABM) Sifir Pita Ukur dalam memahami cara cara membaca nilai hun tali pita ukur di dalam kelas. Terdapat 10 item dalam bahagian ini. Jadual 3 menunjukkan analisis deskriptif tahap kecekapan teknikal sampel dalam kajian ini menggunakan nilai frekuensi (f), peratus (%), min, sisihan piawai, median dan mod.

Bagi dapatan Jadual 3 Bahagian C menunjukkan lima daripada 10 item berkongsi nilai yang tertinggi. Item-item tersebut ialah penggunaan ABM Sifir Pita Ukur adalah hasil dari simulasi penggunaan tali pita ukur, penggunaan ABM Sifir Pita ukur jelas dalam menerangkan nilai bacaan setiap hun, penggunaan ABM Sifir Pita Ukur dapat membantu pelajar yang lemah dalam matematik, penggunaan ABM sifir pita ukur sesuai dijadikan alat membantu pelajar dan pensyarah dalam memahami proses kerja membaca nilai pada pita ukur dan penggunaan ABM dapat membantu pensyarah dalam proses (PDP) menunjukkan nilai yang tertinggi ($M=5, SP=0, Mod=5, Median=5$). Penggunaan ABM sifir pita ukur boleh dipelajari tanpa bantuan pensyarah berada di kedudukan item kedua tertinggi ($M=4.85, SP=0.38, Mod=5, Median=5$)

Item di tempat ketiga tertinggi ialah penggunaan ABM sifir pita ukur membantu pemahaman dalam membaca pita ukur ($M=4.83, SP= 0.38, Mod=5, Median=5$). Item seterusnya ialah penggunaan ABM Sifir Pita Ukur mempunyai arahan yang jelas untuk *beginner* ($M=4.65, SP= 0.48, Mod=5, Median=5$). Bagi Penggunaan ABM Sifir Pita Ukur mudah dibawa kemana sahaja dan penggunaan ABM sifir pita ukur boleh dijadikan rujukan kepada pelajar berada di item terakhir ($M=4.59, SP= 0, Mod=5, Median=5$). Walau bagaimanapun, nilai median dan mod bagi kesemua item dalam pemboleh ubah pengetahuan dan pengalaman semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PDP) subjek asas bagi Sijil Fesyen & Pakaian berada pada tahap 5 iaitu responden mempunyai persepsi yang tinggi. Oleh itu, persepsi kemudahan penggunaan alat bantu mengajar sifir pita ukur dalam membantu kemahiran pelajar membaca tali pita ukur menurut responden berada pada tahap yang tinggi iaitu Alat Bantu Mengajar (ABM) Sifir Pita Ukur sangat membantu dalam memahami kemahiran membaca tali pita ukur.

Pada bahagian ini membincangkan tahap persepsi responden terhadap penggunaan alat bantu mengajar sifir pita ukur dalam membantu kemahiran membaca tali pita ukur. Jadual 4 menunjukkan dapatan deskriptif ketiga-tiga pemboleh ubah dalam kajian ini. Komunikasi menggunakan analisis deskriptif nilai min, sisihan piawai, mod, median dan julat antara kuartil (*interquartile range*)

Jadual 4

Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Alat Bantu Mengajar Sifir Pita Ukur Dalam Membantu Kemahiran Membaca Tali Pita Ukur

Pemboleh Ubah	Min	Sisihan Piawai	Mod	Median	Julat antara Kuartil
B i : pengetahuan sedia ada sebelum menjadi pelajar Sijil Fesyen Dan Pakaian	1.41	1.09	1	1	0
B ii : pengetahuan dan pengalaman semasa proses pengajaran dan pembelajaran (pdp) subjek asas bagi sijil fesyen & pakaian	4.67	0.47	5	5	1
C : Persepsi dan pengalaman responden menggunakan alat bantu mengajar (abm) sifir pita ukur dalam memahami cara cara membaca nilai hun tali pita ukur di dalam kelas	4.30	0.47	4	4	1

Berdasarkan dapatan kajian dalam Jadual 4, pemboleh ubah ubah pengetahuan dan pengalaman semasa proses pengajaran dan pembelajaran (pdp) subjek asas bagi Sijil Fesyen & Pakaian merupakan pemboleh ubah yang tertinggi ($M=4.67$, $SP=0.47$, $Mod=5$, $Median=5$, $IQR=1$) manakala persepsi dan pengalaman responden menggunakan Alat Bantu Mengajar (ABM) sifir pita ukur dalam memahami cara cara membaca nilai hun tali pita ukur di dalam kelas pada tempat kedua ($M=4.30$, $SP=0.47$, $Mod=4$, $Median=4$, $IQR=1$) dan yang terakhir ialah pemboleh ubah pengetahuan sedia ada sebelum menjadi pelajar Sijil Fesyen Dan Pakaian ($M=1.41$, $SP=1.09$, $Mod=1$, $Median=1$, $IQR=0$). Selain itu juga kesemua pemboleh ubah menunjukkan tahap yang berbeza diman dua pemboleh ubah menunjukkan tahap tinggi iaitu 4 dan 5, manakala satu pemboleh ubah menunjukkan tahap yang paling rendah iaitu satu. Nilai julat antara kuartil juga rendah iaitu 0 sehingga 1 sahaja, menunjukkan bahawa kebolehubahan (*Variability*) data yang kecil. Kebolehubahan data yang kecil ini menunjukkan bahawa secara konsisten data responden dalam kajian ini menunjukkan penggunaan Alat Bantu Mengajar Sifir pita Ukur membantu pemahaman responden dalam memahami cara cara membaca nilai pada tali pita ukur. Hal ini dikuatkan lagi dimana, hampir kesemua responden tidak mempunyai kepandaian dalam membaca tali pita ukur namun dengan adanya penggunaan Sifir Pita Ukur sebagai alat bantu mengajar ianya memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar di dalam kelas. Dapatan konsisten data ini juga disokong dengan nilai sishan piawai yang rendah mendekati nilai sifar menunjukkan bahawa taburan responden yang memberi persepsi setuju dengan nilai min pada setiap pemboleh ubah.

Oleh itu, berdasarkan kajian daripada 46 orang responden ini menunjukkan bahawa persepsi dan pengalaman penggunaan Alat Bantu Mengajar Sifir Pita Ukur dalam memahami cara cara membaca nilai hun tali pita ukur di dalam kelas adalah pada tahap yang tinggi.

4. Perbincangan

Menurut Norshafariza Mamat dan Muhammad Nubli Abdul Wahab [7] pembelajaran matematik amat penting dalam memahami konsep asas. Seperti pembelajaran memahami bacaan pita ukur, pelajar Sijil Fesyen dan Pakaian perlu memahami konsep asas bacaan nilai nilai hun sebelum melakukan proses penambahan untuk mendapatkan nilai ukuran yang sebenar. Melibatkan kepada maklumbalas responden hampir kesemua responden memiliki keputusan matematik pada tahap sederhana dan rendah di dapatan deskriptif Bahagian A Demografi responden. Dapatan maklumat ini secara tidak langsung dapat membantu pendidik dan guru untuk lebih bersedia dengan aras kefahaman dan penilaian pelajar dalam memahami sesuatu konsep asas mudah dalam

pengiraan matematik. Kenyataan ini disokong oleh Norshafariza Mamat dan Muhammad Nubli Abdul Wahab [7] guru memainkan peranan yang amat penting untuk menggunakan pelbagai pendekatan bagi membolehkan pelajar menguasai mata pelajaran berkaitan. Guru juga seharusnya memastikan agar tanggungjawab mendidik pelajar digalas dengan penuh rasa tanggungjawab dan berusaha untuk menjadikan pengalaman pembelajaran pelajar menarik dan berkesan [8]

Secara keseluruhan 46 orang responden menunjukkan bahawa persepsi dan pengalaman penggunaan ABM Sifir Pita Ukur dalam membantu memahami cara cara membaca nilai hun tali pita ukur didalam kelas adalah pada tahap yang tinggi. Responden bersetuju penggunaan ABM membantu memudahkan pemahaman mereka dengan pengajaran yang dilakukan. Kenyataan ini disokong oleh Noor Azlan dan Nurdalina [9] penggunaan bahan bantu mengajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan kefahaman pelajar dan dapat menarik pelajar perhatian pelajar untuk lebih fokus dan memahami konsep yang diajar. Hal ini kerana penggunaan ABM sedikit sebanyak dapat mengalihkan perhatian atau menukar sedikit suasana pengajaran yang formal kepada lebih santai. Kenyataan ini disokong oleh Noor Azlan dan Nurdalina [9] penggunaan bahan bantu mengajar juga secara tidak langsung akan menjadikan pelajar lebih menumpukan perhatian. Pembelajaran yang formal adakalanya melibatkan penyampaian fakta yang terlalu meleret. Jadi dengan adanya penggunaan ABM sedikit sebanyak sesuatu pengajaran yang tidak boleh di jelaskan melalui perkataan boleh diterangkan melalui kaedah simulasi hasil penggunaan ABM. ABM merupakan komponen penting dalam mana-mana bilik darjah kerana mampu membantu pelajar meningkatkan kemahiran memahami bacaan, menggambarkan atau mengukuhkan kemahiran atau konsep, membezakan arahan dan menghilangkan kebimbangan atau kebosanan dengan menyampaikan maklumat dengan cara yang baharu dan mengujakan [10]. . Guru perlu sedar bahawa penggunaan BBM dalam P&P adalah penting untuk menarik dan meningkatkan prestasi pelajar serta mencapai objektif pengajaran sesuatu mata pelajaran.[11]

Dalam permasalahan ini, pendidik telah menyediakan satu ABM Sifir Pita Ukur dalam membantu pelajar memahami cara cara membaca pita ukur dengan betul. Kaedah penggunaan ABM Sifir Pita ukur ini sesuai dipraktikkan kepada pelajar kerana ianya merupakan ABM yang menggunakan kaedah simulasi tali pita ukur biasa cuma ianya di ubah bentuk dan ditambahkan dengan maklumat berkaitan penerangan serta pengiraan nilai nilai hun. Pemilihan ABM yang sesuai amat mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan sesuatu proses P&P terutama pembelajaran berpusatkan pelajar [12]

Responden sangat bersetuju pembelajaran yang beraskan amali memerlukan ABM dalam memastikan objektif sesuatu penyampai sampai kepada pelajar. Menurut Crispina Gregory K Han, Mohammad Azri Amatan dan Evonne Lai [13] wujudnya hubungan positif linear antara pelaksanaan amali dalam pembelajaran. Pelaksanaan amali mampu menarik minat pelajar untuk fokus kepada sesuatu pengajaran yang disampaikan. Dari segi pengalaman yang diperolehi responden semasa proses pengajaran berada pada tahap yang tinggi. Responden bersetuju pembelajaran amali membantu pemahaman pelajar dalam proses PDP. Pembelajaran amali juga sangat membantu dalam proses pemahaman dan tarikan minat pelajar semasa proses PDP dilakukan. Suasana amali yang santai secara tidak langsung tidak akan menekan pelajar malah memberikan kebebasan kepada pelajar untuk melakukan pelbagai eksperimen berdasarkan kefahaman masing masing. Ini diperkuatkan lagi oleh Mahyuddin dan Nurruhilamani [14] pembelajaran berasaskan amali boleh membantu tahap pembentukan kerjaya. Maka secara tidak langsung dengan adanya pembelajaran amali dan kepenggunaan ABM sangat membantu kefahaman pelajar dalam mencapai objektif pembelajaran. Ini disokong oleh Charles dan Ling [15] yang menyatakan pembelajaran pelajar akan lebih berkesan apabila elemen persekitaran maklum balas dan penggunaan bahan bantu mengajar yang berkualiti dan mencukupi disatukan ke dalam proses pengajaran.

Oleh itu sebagai seorang pendidik, perlulah menjadi kreatif dan inovatif dalam menyampaikan ilmu dalam proses PDP dengan berkesan. Pendidik perlu kreatif dalam menghadapi masalah pelajar yang ketinggalan dengan menggunakan pelbagai kaedah agar objektif setiap perancangan pengajaran berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang berkesan. Keberjayaan proses pdp juga banyak dibantu oleh kejayaan guru dalam melaksanakan pdp yang berkesan. Seorang guru yang berkualiti boleh menguasai serta merealisasikan segala kemahiran, pengetahuan dan kepakaran yang ada pada diri sendiri serta alat untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas [16]

5. Kesimpulan

Berdasarkan kepada dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa persepsi pelajar terhadap penggunaan Alat Bantu Mengajar Sifir Pita Ukur dalam membantu kemahiran membaca tali pita ukur yang ditonjolkan berada pada tahap tinggi. Melalui kajian ini juga pengkaji dapat merumuskan bahawa pelajar boleh menyatakan dengan tepat bahawa persekitaran pembelajaran dan pengajaran penting dalam membantu pemahaman pelajar semasa sesi pembelajaran. Pengajaran amali dan teori mempunyai kepentingan dalam membantu memastikan pelajar dapat memahami pengajaran yang diajar oleh pendidik. Selain itu walaupun sebahagian besar responden tidak mempunyai kepandaian yang tinggi dalam bidang matematik namun ianya bukan penghalang untuk responden mempelajari asas bacaan tali pita ukur. Dengan adanya Alat bantu mengajar Sifir Pita Ukur ianya boleh dijadikan panduan kepada pelajar dalam memahami bagaimana nilai bacaan tali pita ukur dikira.

Rujukan

- [1] Berita Harian (2015) diambil dari <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/08/74472/guru-berperanan-lahir-pelajar-capai-standard-global>
- [2] Yudi Rohmad and Hirnanda Dimas Pradana. "Faktor-faktor yang memengaruhi cara guru mengajar". *Universitas Negeri Malang*. (2016)
- [3] Jasmi, Kamarul Azmi, and Zaharuzzaman Sulaiman. "Kajian kes penggunaan gaya pembelajaran pelajar Pusat Pendidikan Islam Andalus, Singapura." *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* 2, no. 1 (2018): 36-46.
- [4] Yahaya, Azizi, and Syazwani Binti Abdul Razak. "Teori berkaitan gaya pembelajaran dan kaedah pengajaran." *Universiti Brunei Darussalam* (2010).
- [5] Ordu, Uchechi Bel-Ann. "The Role of Teaching and Learning Aids/Methods in a Changing World." *Bulgarian Comparative Education Society* (2021).
- [6] Yasin, Mohd Hanafi Mohd, Hasnah Toran, Mohd Mokhtar Tahar, Sazali Abd Hamid, Nik Azhar Nik Abd Rahman, Zawawi Zahari, Aziz Jantan, Bahari Abu Bakar, Azman Nordin, and Kementerian Pelajaran Malaysia. "PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR DALAM PENGAJARAN MURID-MURID PEMULIHAN KHAS."
- [7] Mamat, Norshafariza, and Muhammad Nubli Abdul Wahab. "Kajian Masalah Pembelajaran Matematik di kalangan Pelajar Sekolah Rendah Luar Bandar." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7, no. 6 (2022): e001531-e001531.
- [8] Che Ahmad, Che Nidzam, Saidatul Ainoor Shaharim, and Asmayati Yahaya. "Kesesuaian persekitaran pembelajaran, interaksi guru-pelajar, komitmen belajar dan keselesaan pembelajaran dalam kalangan pelajar biologi." *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia (JPSMM UPSI)* 6, no. 1 (2016): 101-120.
- [9] Daud, Nurdalina, and Noor Azlan Ahmad Zanzali. "Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Di Kalangan Guru pelatih Utm Yang Mengajar Matapelajaran matematik." PhD diss., Universiti Teknologi Malaysia, 2009.
- [10] Kija, Badaka, and Benedicto William Msangya. "The Role of Teaching and Learning Aids in Learning Science Subjects: A Case Study of Morogoro Municipality. Tanzania." *International Journal of Novel Research in Education and Learning* 6, no. 1 (2019): 65-69.
- [11] Abd Samad, Noorazman, Wan Mohd Rashid Wan Ahmad, Hairuddin Harun, Mohd Hasril Amiruddin, Suhaizal Hashim, and Faizah Jaâ. "BAHAN BANTU MENGAJAR (BBM) DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK) DAERAH PONTIAN." *Online Journal for TVET Practitioners* (2018).

-
- [12] Lambri, Alizah, and Zamri Mahamood. "Penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran bahasa Melayu menggunakan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar." *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4, no. 33 (2019): 78-94.
- [13] Han, Crispina Gregory K., Mohammad Azri Bin Amatan, and Evonne Lai. "Pelaksanaan Amali dengan Minat Terhadap Pembelajaran Sains di Sekolah Kurang Murid Daerah Kota Belud, Sabah." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7, no. 8 (2022): e001668-e001668.
- [14] Syamsul Bahri, Nurruhilamani, and Mahyuddin Arsat. "Implikasi Pembelajaran Berasaskan Amali Terhadap pembentukan Kerjaya Jurutera." PhD diss., Universiti Teknologi Malaysia, 2009.
- [15] Libau, Charles Muling, and Ying-Leh Ling. "Peranan bahan bantu mengajar dan persekitaran maklum balas dalam meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar." In *National Research Innovation Conference*, pp. 1-8. 2020.
- [16] Azman, Mohamed Nor Azhari, Nur Amierah Azli, Ramlee Mustapha, Balamuralithara Balakrishnan, and Nor Kalsum Mohd Isa. "Penggunaan alat bantu mengajar ke atas guru pelatih bagi topik kerja kayu, paip dan logam." *Sains Humanika* 3, no. 1 (2014).